

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PERTAHANAN DI UPACARA
TAMAT LATIHAN PEGAWAI-PEGAWAI PERUBATAN
PASUKAN SETIA NEGARA PADA 3 OKTOBER 1967
DI RUMAH SAKIT KINRARA PUCHONG**

Saya sangatlah sukacita kerana dapat hadir pada pagi ini untuk menyaksikan Upacara Tamat Latihan Pegawai-pegawai Perubatan, Pasukan Setia Negara. Saya sungguh berasa gembira dan puas hati melihat tuan-tuan sekalian iaitu doktor-doktor yang muda dan doktor-doktor yang lain yang telah menerima dengan sukacitanya seruan untuk berkhidmat kepada negara tanpa sebarang sungutan dan helah. Semangat kebangsaan dan perasaan mahu berkorban seperti ini untuk kepentingan negara oleh rakyat Malaysia telah menimbulkan rasa hormat dan pujian daripada banyak negeri-negeri luar. Saya percaya perkhidmatan tuan-tuan akan merupakan satu contoh yang paling baik untuk diikuti oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kepada negara.

Pada awal tahun ini iaitu selepas tamatnya konfrantasi apabila saya memberitahu umum bahawa latihan tentera untuk anggota Pasukan Setia Negara akan diberhentikan, saya telah mendengar banyak orang berkata dan bertanya di surat-surat khabar dan di lain-lain tempat mengapa Kerajaan masih menyimpan Undang-undang Perkhidmatan Negara miski pun konfrantasi telah tamat. Mereka juga bertanya apa sebabnya permit keluar masih lagi perlu untuk orang-orang yang telah didaftarkan bagi perkhidmatan negara yang hendak pergi keluar negeri bagi satu-satu sebab atau lain-lain?

Saya suka menegaskan sekarang di sini bahawa kerajaan tidak bertujuan hendak menyusahkan atau meletakkan sebarang beban yang tidak perlu kepada anggota Pasukan Setia Negara yang telah didaftarkan. Seperti yang telah saya katakan, jaminan telah pun diberi oleh kerajaan bahawa latihan Pasukan Setia Negara telah pun dihentikan bagi semua anggota melainkan Pegawai-pegawai Perubatan dan Doktor-doktor gigi. Ini disebabkan oleh kedudukan pada masa sekarang iaitu Angkatan Tentera kita masih lagi kekurangan orang-orang "professional" seperti pegawai-pegawai perubatan dan doktor gigi, dan saya percaya tidaklah melampau untuk meminta perkhidmatan orang-orang semacam ini untuk kepentingan negara.

Seperti tuan-tuan sedia maklum, angkatan tentera kita dalam beberapa tahun ini telah diperbesarkan dan sebagai hasilnya bertambah ramai lagi doktor-doktor dan doktor-doktor gigi diperlukan bagi mengisi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan perubatan tentera. Oleh sebab pengambilan dengan secara sukarela atau mengikut peraturan-peraturan biasa tidak dapat memenuhi keperluan yang bertambah ini, maka adalah perlu untuk menggunakan Undang-undang Perkhidmatan Negara. Pekerjaan memanggil orang berkhidmat semacam ini adalah satu cara yang murah untuk mengambil pegawai-pegawai perubatan dan doktor-doktor gigi untuk Angkatan Tentera. Saya suka menegaskan bahawa

kerajaan dengan hati yang berat telah memutuskan hendak mengambil langkah ini oleh sebab tidak ada jalan lain lagi yang hendak diambil jika sekiranya kesihatan askar-askar kita tidak hendak dibahayakan. Saya percaya tuan-tuan akan dapat menghargai bagaimana mustahaknya perkara ini kepada semangat perjuangan atau (*morale*) askar-askar iaitu kesihatannya dan kesihatan keluarganya hendaklah dijaga dengan baik. Dan semangat yang baik adalah salah satu faktor-faktor yang penting untuk membolehkan askar-askar kita memberi perkhidmatan yang sebaik-baiknya dalam mempertahankan negara.

Jangkamasa perkhidmatan tuan-tuan dengan Angkatan Tentera memanglah hanya setahun sahaja. Walaupun begitu, saya berharap bahawa setengah daripada tuan-tuan, jika tidak semuanya, yang cenderung kepada tentera akan menimbangkan untuk meminta tauliah jangka pendek selama 3, 4 atau 5 tahun, atau pun untuk tauliah biasa jika perlu di dalam Perkhidmatan Perubatan Angkatan Tentera. Perkhidmatan-perkhidmatan perubatan ada mempunyai pasukan yang tertentu di dalam Angkatan Tentera dan pegawai-pegawai perubatan dan doktor-doktor gigi yang berkhidmat di dalam pasukan itu sudah sepatutnya berasa bangga dengan perkhidmatan mereka dan pasukan tersebut.

Saya tidak tahu samada ini benar atau tidak, tetapi saya telah diberitahu bahawa salah satu daripada sebab kenapa doktor dan doktor gigi agak enggan hendak masuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera ialah kerana kekurangan pekerjaan hospital atau (*hospital practice*) yang boleh membawa kepada keahlian (*specialisation*) dalam salah satu bidang istimewa perubatan. Tuan-tuan akan bergembira mengetahui bahawa satu keputusan telah diambil untuk mengadakan satu hospital tentera di sini di Kinrara dan hospital ini telah pun mula bergerak mengikut kadarnya. Sudah tentulah hospital ini akan mengambil masa untuk berkembang sebelum boleh dibandingkan dengan hospital-hospital awam yang moden dan mempunyai peranan-peranan istimewa (*specialist function*) dan kemudahan-kemudahan yang besar. Selain dari itu peluang-peluang akan diberi juga kepada pegawai-pegawai perubatan dan doktor-doktor gigi untuk menghadiri beberapa kursus di United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat untuk melayakkan diri mereka bagi jawatan-jawatan yang lebih tinggi. Oleh itu peluang-peluang untuk memperbaiki kedudukan pekerjaan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan perubatan tentera tidaklah sama sekali segelap yang digambarkan oleh setengah-tengah orang. Saya percaya tuan-tuan sebagai doktor-doktor yang muda yang mempunyai semangat bekerja dengan jujur akan berasa bangga bukan sahaja kerana tuan-tuan berkhidmat dalam Angkatan Tentera Negara ini yang masih muda tetapi juga kerana tuan-tuan dapat menyaksikan perkembangannya selangkah demi selangkah.

Sebagai mengakhiri ucapan ini saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada tuan-tuan atas kejayaan gilang gemilang yang telah dicapai dan saya berharap tuan-tuan akan menempuh masa yang memuaskan hati semasa berkhidmat dengan Angkatan Tentera dan dengan itu sekurang-kurangnya sebahagian daripada tuan-tuan akan membuat keputusan kelak untuk memilih satu pekerjaan di dalam Angkatan Tentera. Selamat berkhidmat kepada tuan-tuan semua.